

# Wanita Orang Asli maut dipijak gajah

oleh ROSILAWATI ROSEDI 06 Disember 2022 09:27am **Masa membaca: 2 minit**



Mayat wanita Orang Asli yang maut selepas dipijak gajah pada Selasa. - Foto ihsan DRM

LIPIS - Seorang wanita Orang Asli maut dipijak gajah di Kampung Simoi Baru Pos Betau dekat Kuala Lipis di sini pada awal pagi Selasa.

Dalam kejadian kira-kira jam 4 pagi itu, mangsa, Wak Angkat Yok Tong, 39, disahkan meninggal dunia di tempat kejadian.

Ketua Polis Daerah Lipis, Superitendan Azli Mohd Noor memberitahu, pihaknya menerima maklumat pada jam 4.40 pagi terdapat kematian seorang wanita di kampung tersebut kerana diserang oleh sekumpulan gajah.

Menurutnya, mangsa tidak sempat melarikan diri lalu dipijak haiwan liar tersebut.

**"Hasil siasatan awal mendapati mangsa meninggal dunia dipercayai cedera parah akibat dipijak oleh gajah.**

"Mangsa bersama keluarga tinggal di rumah kayu berdinding buluh yang dikelilingi pokok pisang dan berhampiran kebun getah di kampung berkenaan," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Ujar beliau, semasa kejadian mangsa sekeluarga (seramai sembilan orang) sedang tidur dan tersedar selepas mendapati keadaan rumah bergoyang akibat tindakan gajah menarik struktur dinding.



Keadaan rumah dihuni mangsa dan keluarga yang diserang sekumpulan gajah pada awal pagi Selasa.

"Situasi itu menyebabkan masing-masing melarikan diri dalam keadaan gelap dan selepas berkumpul semula baru disedari mangsa tiada bersama mereka.

"Mereka mencari dan menjumpai mayat mangsa di dalam kawasan pokok pisang berhampiran rumah," ujarinya.

Azli berkata, anggota balai polis Sungai Koyan telah membawa mangsa ke unit forensik Hospital Kuala Lipis untuk bedah siasat.